

MASALAH PENGGALAKAN  
PEMASARAN FILEM MELAYU DI MALAYSIA

OLEH

WAN MUHAMMAD WAN SULONG

ROSLAN OTHMAN

NATILA AHMAD

SHUANI MAN

ABD. RAZAK ABD. RASHID

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM

NOV. 1984.

## KANDONGAN

Prakata \_\_\_\_\_

Penghargaan \_\_\_\_\_

### BAB 1

Latar Belakang Kajian \_\_\_\_\_ 1

Penyata Masalah \_\_\_\_\_ 6

Masalah Kecil \_\_\_\_\_ 7

Objektif \_\_\_\_\_ 8

Skop \_\_\_\_\_ 9

Andaian \_\_\_\_\_ 10

Kaedah Kajian \_\_\_\_\_ 11

### BAB 2

Kajian Bahan \_\_\_\_\_ 13

### BAB 3

Promosi \_\_\_\_\_ 18

Sistem Pengedaran & Penayangan \_\_\_\_\_ 29

Pengeluar-pengeluar Filem \_\_\_\_\_ 39

Finas \_\_\_\_\_ 45

### BAB 4

Rumusan \_\_\_\_\_ 49

### BAB 5

Saranan \_\_\_\_\_ 51

Appendik (i)

Bibliografi

## PENGHARGAAN

Projek kami ini telah berjalan dengan lancar sebagaimana yang dirancangkan kerana adanya bantuan serta kerjasama dari pihak-pihak tertentu. Oleh itu amatlah wajar bagi kami untuk memberi setinggi-tinggi penghargaan serta rasa terima kasih yang tidak terhingga pada mana-mana pihak yang terlibat.

Diantaranya ialah:-

1. Penasihat kami Puan T.S Bahrin, di atas kerjasama dan nasihat beliau dalam menjayakan projek kami.
2. Puan Faizah Abdul Rahim selaku Pensyarah Business Research yang telah meluluskan cadangan kami untuk melaksanakan projek ini.
3. En. Abd. Ghani Karim dan En. Mohd. Tahir selaku Pemeriksa.
4. Pertubuhan Cathay dan Shaw Brothers di atas kerjasama mereka memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menjayakan projek ini.
5. Pengeluar-pengeluar serta pengarah filem tempatan yang sudi meluangkan masa bertukar-tukar fikiran dengan kami.
6. Jurutaip kami Cik Rosnah yang telah bertungkus lumus menaip manuskrip ini.

Kepada mereka yang berkenaan, ribuan terima kasih kami ucapkan.

## 1.0 LATARBELAKANG KAJIAN

### PERKEMBANGAN FILEM MELAYU SEHINGGA SEKARANG

Pengujudan dunia perfileman melayu bukanlah satu perkara baru. Industri perfileman melayu diMalaysia telah menempuhi suatu zaman yang panjang. Ia bermula sebelum perang dunia yang kedua lagi sehingga mencapai zaman kegemilangan sekitar tahun-tahun lima puluhan yang pada masa itu berpusat di Studio Jalan Ampas, Singapura.

Filem melayu yang pertama pernah diusahakan ialah sebuah cerita romantik berjudul Laila Majnun pada tahun 1938 kemudian apabila perang dunia meletus, pengeluaran filem terhenti<sup>1</sup>. Ia disambung semula setelah perang tamat. Disini muncullah dua gergasi dalam dunia perusahaan filem melayu iaitu Syarikat Shaw dan Cathay. Setelah perang dunia kedua tamat (1945) Syarikat Shaw menghidupkan semula kegiatan mereka. Dua tahun kemudiannya terbit filem mereka berjudul " Singapura Diwaktu Malam ". Ini diikuti dengan filem Cempaka yang mencipta keuntungan luar dugaan<sup>2</sup>. Filem-filem keluaran Shaw telah mengemukakan beberapa pelakon yang menjadi pujaan ramai seperti P.Ramlee, S.Roomai Noor, Kasma Booty dan lain-lain lagi. Dengan tertubuhnya Syarikat Cathay-Keris pada tahun 1953, nama-nama seperti Maria Menado, Umi Kalthum, Mustaffa Maarof, Wahid Satay dan lain-lain mula terkenal.

---

<sup>1</sup> BAHARUDIN LATIF, Pengarah Penerbitan FINAS, Sejarah Filem-filem melayu M.S. 20, 1982.

<sup>2</sup> BAHARUDIN LATIF, Pengarah Penerbitan FINAS, Sejarah Filem-filem melayu M.S. 19, 1982.

Filem keempat pihak Shaw, " CINTA " keluaran 1948 merupakan satu usaha yang boleh dikatakan mengukir sejarah dalam perkembangan industri tempatan kerana ia memperkenalkan P.Ramlee yang merupakan seniman agong kita yang mana pernah mendapat gelaran aktor terbaik dalam Festival Filem Asian di Tokyo pada tahun 1963. P.Ramlee diberi peluang menunjukkan kebolehnya dibelakang kamera cuma pada tahun 1955 apabila " Penarik Beca " ditayangkan kepada umum. Bakat semulajadinya yang padat dengan idea-idea bernas itu mendapat peluang ekspresi. Filem-filem arahan dan lakonan beliau mendapat sambutan yang hangat dari orangramai. Filem-filem yang mendapat sambutan hangat seperti Semerah Padi (1956) Sumpah Orang Minyak (1958) Musang Berjanggut (1959) Pendekar Bujang Lapok (1959) dan Antara Dua Darjat (1960).

Pada tahun 1967<sup>3</sup>, Malay Film Productions ditutup untuk selama-lamanya dengan alasan ianya tidak menguntungkan lagi. Bagaimanapun filem-filem yang dalam proses penyelenggaraan ketika itu disiapkan dan diedarkan sehingga tahun 1959. Cathay Keris pula tutup setelah tamat pengendalian filem Hati Batu pada tahun 1973. Dalam pada itu Syarikat baru dibuka dikawasan Zoo

---

<sup>3</sup> Filem-filem Malaysia Merangka Kemajuan M.S.20 Terbitan FINAS, 1982.